

11/09/1998

Negara tidak perlu reformasi

Noorwati Salleh

PEKAN, Khamis - Malaysia tidak memerlukan reformasi kerana sistem pemerintahan yang ada sekarang cukup baik, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Oleh itu, pihak tertentu tidak perlu menghasut rakyat bagi menggantikan sistem pemerintahan, sebaliknya memberi sokongan padu kepada kepimpinan yang ada.

Beliau berkata, laungan reformasi serta cuba meruntuhkan sistem pemerintahan yang ada diragui kerana sistem lain belum pasti memberi kebaikan dan membela rakyat.

"Semua pihak mesti memberi sokongan padu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan.

"Sehingga hari ini sistem pemerintahan negara ini adalah paling baik dan sudah tentu rakyat mahu yang baik itu dikekalkan. Jika pemerintahan berubah, kita sudah tentu tidak tahu nasib yang akan menimpa kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika melancarkan upacara pecah tanah projek penswastaaan pembinaan kelompok rumah guru Chini dan penyampaian cek bantuan per kapita sekolah-sekolah agama rakyat daerah Pekan dan Rompin di Tapak Perumahan Guru Chini 2, di sini, hari ini.

Projek rumah guru ala kondominium membabitkan 274 unit menggunakan kaedah pasang siap itu berkualiti tinggi serta mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air adalah projek pertama yang diluluskan oleh kerajaan.

Najib berkata, masyarakat harus mengetahui apa yang dilakukan kerajaan bertepatan dengan prinsip tradisi membela rakyat. Dalam kegawatan ekonomi, kerajaan tidak menaikkan bayaran yang membebankan rakyat.

Sebagai contoh, beliau berkata, yuran ijazah pertama tidak dinaikkan, walaupun kadar yuran itu sudah lama tidak dinaikkan. Kerajaan tidak berbuat demikian kerana tidak mahu membebankan orang ramai.

"Oleh itu, adalah wajar masyarakat terus memberi sokongan kepada kerajaan dan pemimpin tanpa berbelah bahagi.

"Kerajaan sudah membuktikan bahawa sistem sekarang begitu adil dan cukup prihatin terhadap masalah rakyat.

"Oleh itu, tiada sebab mengapa kita harus menolak sistem sekarang yang sudah terbukti berkemampuan iaitu memberi pembelaan kepada rakyat secara berkesan dan bertanggungjawab," katanya.

(END)